**PETA NEGARA MALAYSIA DAN INDONESIA SERTA NEGERI KELANTAN
DAN PROPINSI DAERAH ISTIMEWA ACEH (TIADA BERSKEL)**

JADUAL 1.1
**PERBANDINGAN PETUNJUK SOSIO-DEMOGRAFI DI ANTARA MALAYSIA
DAN INDONESIA**

Subjek	MALAYSIA	INDONESIA
1. Keluasan kawasan	329,758 km ²	1,919,443 km ²
2. Jumlah penduduk	17,566,982 ('91)	179,322,000 ('90)
3. Penduduk tiap rumah	4.91 ('91)	4.50 ('90)
4. Kepadatan penduduk (orang/km ²)	53 ('91)	93 ('90)
5. Pertumbuhan penduduk (peratus/tahun)	2.30 ('78-'87)	2.08 ('80-'90)
6. Perkapita KDNK (US\$)	2,320 ('90)	570 ('90)

Sumber : World Bank, World Development Report 1992;
SEAMIC, 1993.


1.1. Sistem penjagaan kesihatan di Malaysia dan Indonesia

Secara amnya sistem kesihatan kedua-dua negara dicorakkan oleh sistem-sistem penjajah sama ada British di Malaysia maupun Belanda di Indonesia. Sehingga sekarang meninggalkan kesan yang membezakan sistem penjagaan kesihatan di kedua-dua negara serumpun ini. Sistem penjagaan kesihatan di Malaysia berada di bawah kerajaan persekutuan secara penuh baru dimulai pada tahun 1971 (Sing *et al.*, 1978). Status kesihatan rakyat dari masa ke semasa bertambah baik; berbagai-bagai petanda penyakit dan kematian menurun secara progresif. Kecuali wabak demam denggi berdarah (*dengue haemorrhagic fever*) dan taun (*cholera*) yang terjadi sekali-sekala, negara pada amnya bebas daripada epidemik penyakit berjangkit.

Jangkaan hayat saat lahir (*life expectancy at birth*) terus meningkat; untuk lelaki daripada 63.5 tahun menjadi 67.7 tahun dan untuk perempuan dari 66.3 tahun menjadi 72.4 tahun di antara tahun 1957 dan tahun 1986 (Dzulkifli, 1989; World Bank, 1992). Jenis penyebab penyakit dan penyebab kematian yang direkod pada hospital berubah secara nyata mengikut perubahan sosio-ekonomi dan meningkatnya taraf hidup masyarakat. Penyebab utama kematian telah berubah daripada penyakit berjangkit kepada kemalangan dan penyakit jantung.

Infrastruktur kesihatan telah dibangunkan diseluruh negara. Pada setiap negeri terdapat Hospital Besar dengan perkhidmatan kepakaran. Pada setiap daerah terdapat Hospital Daerah, dan pada peringkat luar bandar dibangunkan Pusat Kesihatan Besar yang setiap satu akan membawahkan empat Pusat Kesihatan Kecil dan beberapa Klinik Kesihatan Ibu, seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.2. Pada tahun 1977, kos untuk kesihatan berkisar 5 peratus daripada perbelanjaan total negara. Ini bermakna purata kos kesihatan sebesar US\$ 17.72 untuk setiap penduduk pada tahun yang sama (Sing, *et al.*,


1978); manakala pada tahun 1990 kos untuk kesihatan meningkat menjadi US\$ 50.50 untuk setiap penduduk, dengan jumlah perbelanjaan kesihatan 5.5 peratus daripada perbelanjaan negara (SEAMIC, 1993).



RAJAH 1.2
SISTEM PENJAGAAN KESIHATAN DI MALAYSIA
(Sumber : Phoon, 1984)

Adapun sistem penjagaan kesihatan di Indonesia, tidak banyak berbeza dengan sistem yang berlaku di Malaysia. Kerajaan pada amnya bertanggungjawab dalam penjagaan kesihatan masyarakat sudah bermula sejak pengisytiharan kemerdekaan pada tahun 1945. Walau bagaimanapun baru pada tahun 1970-an pembangunan kesihatan di Indonesia dapat dilangsungkan dengan lebih meluas, cepat dan berkesan. Perkhidmatan kesihatan khasnya melalui hospital kerajaan, mengikut sistem rujukan berperingkat mulai

tingkatan yang paling rendah iaitu Pusat Kesehatan Masyarakat (Puskesmas) di peringkat Kecamatan (*sub-district*) sehingga Hospital Besar jenis-A sebagaimana ditunjukkan pada Rajah 1.3. Hospital di Indonesia, dibahagikan kepada jenis A, B, C dan D. Pada amnya disetiap propinsi tersedia sebuah hospital jenis B, sedangkan pada setiap Kabupaten tersedia hospital jenis C atau D.



RAJAH 1.3
SISTEM RUJUKAN DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN MELALUI
HOSPITAL KERAJAAN DI BAWAH KEMENTRIAN KESIHATAN INDONESIA

Hospital jenis A hanya ada empat, masing-masing terdapat di Medan, Jakarta, Surabaya dan Ujung Pandang sebagai pusat rujukan pada kawasan masing-masing atau wilayah disekitarnya. Perbezaan jenis hospital ini di antaranya akan membezakan jenis perkhidmatan yang disediakan, meliputi perkhidmatan kepakaran yang terhad, menyeluruh dan menggunakan peralatan canggih (DepKes RI., 1988). Pembangunan

kesihatan telah menunjukkan kemajuan yang bererti dalam meningkatkan kesihatan masyarakat khasnya masyarakat luar bandar. Purata kadar mortaliti bayi (IMR) telah turun dari semasa ke semasa. Pada tahun 1986, jangka hayat saat lahir untuk lelaki 58.8 tahun dan untuk perempuan 62.5 tahun (SEAMIC, 1991). Kos untuk kesihatan berkisar 1 peratus daripada perbelanjaan total negara di antara tahun 1985-1987. Ini bermakna purata kos kesihatan sebesar US\$ 0.85 untuk setiap penduduk pada tahun tersebut (DepKes RI., 1988).

Suatu Jadual mengenai petunjuk kesihatan terakhir di Malaysia dan Indonesia ditunjukkan pada Jadual 1.2.

**JADUAL 1.2
PERBANDINGAN PETUNJUK KESIHATAN DI ANTARA MALAYSIA DAN
INDONESIA**

Subjek	MALAYSIA	INDONESIA
1. Populasi penduduk usia 65 tahun dan lebih	3.93% ('90)	3.88% ('90)
2. Jangkaan hayat pada saat kelahiran (tahun)	70 ('90)	62 ('90)
3. Kadar mortaliti bayi (IMR/1,000 kelahiran)	16 ('90)	61 ('90)
4. Purata angka kematian (semua umur/100,000)	488.6 ('90)	703.0 ('86)
5. Penyebab kematian utama	<i>Semenanjung Malaysia</i> ('90) 5.1. Penyakit jantung & peredaran pulmonal 5.2. Keadaan tertentu berpunca pada perinatal 5.3. Penyakit serebrovaskular 5.4. Kemalangan 5.5. Neoplasma malignan	('89) 5.1. Penyakit berjangkit dan parasitik 5.2. Diarea 5.3. Penyakit pernafasan 5.4. Penyakit kardiovaskular 5.5. Tuberkulosis
6. Sumber-sumber kesihatan : Nisbah Doktor-Penduduk Nisbah Hospital-Penduduk (100,000) Nisbah Katil Hospital-Penduduk (100,000)	1:1.930 ('90) 0.6 ('90) 205 ('90)	1:9,410 ('84) 0.5 ('90) 67 ('90)
7. Perbelanjaan kesihatan	5.5% belanjawan negara ('90)	1% belanjawan negara ('87)

Sumber : World Bank, World Development Report 1992;
SEAMIC, 1993


Walaupun tempat perkhidmatan kesihatan di kedua-dua negara telah berkembang cukup baik dalam masa dua dekad terakhir ini, tidak bermakna semua penduduk akan menggunakannya. Seperti mana yang masih berlaku di banyak negara membangun lain, sama ada di Malaysia maupun di Indonesia amalan kesihatan tradisi masih terus berlanjut (Chen, 1974; Chernichovsky & Meesook, 1986; Razali, 1989; Soepadmo *et al.*, 1989). Di Indonesia pada tahun 1978 kelahiran bayi dengan cara tradisi mencapai lebih daripada 75 peratus kelahiran.

Tidak diketahui dengan pasti sejak bila ubat-ubatan moden telah digunakan di Malaysia dan Indonesia. Satu hal yang tidak dapat dinafikan adalah bahawa sejak awal abad lampau di beberapa tempat di kawasan Asia Tenggara telah dibangunkan hospital, disediakan tenaga doktor dan diimpot ubat-ubatan dari luar terutamanya oleh kerajaan penjajah dan badan yang melakukan misi keagamaan di kawasan ini (Lai, 1976; Wiebe & Rahim, 1976; Lee, 1978; 1992; Mudeliar *et al.*, 1984). Walau bagaimanapun pada masa ini dalam perancangan perkhidmatan kesihatan kebangsaan di kedua-dua negara, ubat-ubatan moden sepenuhnya digunakan dalam perubatan; walaupun usaha-usaha untuk melakukan penyelidikan ubat tradisi juga terus dilakukan (DepKes RI, 1980; Mahmud, 1993).

Dalam amalan sehari-hari terutamanya untuk pusat perkhidmatan kesihatan di bawah kerajaan, satu senarai ubat-ubatan perlu disediakan dengan bekerjasama dengan pihak-pihak lain. Usaha ini dilakukan bukan hanya bermaksud mendapatkan ubat yang murah, tetapi lebih daripada itu, iaitu untuk mendapatkan ubat-ubatan yang berkhasiat, berkualiti dan selamat untuk digunakan. Di Indonesia sejak tahun 1980 telah disenaraikan "Daftar Obat Essensial Nasional" terutamanya untuk digunakan di hospital-hospital milik kerajaan. Senarai ini berpandukan kepada senarai ubat *essential*

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 1977), dan diperbaharui mengikut keperluan dan perkembangan ilmu pengetahuan. Pada akhir tahun 1989 Kementerian (Departemen) Kesihatan Indonesia mengeluarkan keputusan yang mewajibkan doktor yang bekerja di pusat perkhidmatan kesihatan kerajaan atau hospital kerajaan untuk menulis preskripsi menggunakan nama generik (KepMenKes R.I., 1989). Malaysia pada tahun 1983 memperkenalkan suatu senarai ubat yang kemudian dikenali sebagai senarai ubat-ubatan (*bluebook*) yang mengandungi nama-nama ubat yang disediakan oleh kerajaan untuk hospital mengikut peringkat hospital dan kepakaran doktor. Nama-nama ubat dalam buku ini disediakan mengikut nama generik, meskipun demikian jenama dagang juga disediakan sebagai padanannya. Usaha-usaha tersebut di atas dijalankan dengan tujuan untuk meningkatkan penggunaan ubat-ubatan secara rasional oleh pengamal perubatan. Bagaimanapun sehingga kajian ini dijalankan di Malaysia tiada peraturan yang mengharuskan doktor membuat preskripsi dengan menggunakan nama generik.

Semua ubat yang dihasilkan, diimpot, diedarkan dan dijual sama ada di Malaysia maupun Indonesia haruslah didaftarkan terlebih dahulu kepada Kementerian Kesihatan dengan mengemukakan kandungan, indikasi, khasiat, keselamatan dan kualiti ubat (Andajaningsih, 1991; Abdul Khalid, 1991). Di Malaysia pendaftaran ini dibahagikan ke dalam 4 fasa; Fasa I pendaftaran produk dengan kandungan 'racun' mengikut Akta Racun 1952, Fasa II pendaftaran produk 'bukan racun', Fasa III pendaftaran ubat tradisi dan Fasa IV pendaftaran kosmetik. Pendaftaran pada ketika ini memasuki Fasa III. Di Indonesia ubat preskripsi dengan perlakuan khas, ubat preskripsi biasa, ubat *counter* preskripsi (OTC), ubat tradisi dan kosmetik wajib didaftarkan. Rajah 1.3 menunjukkan prosedur untuk pendaftaran ubat di Indonesia.



RAJAH 1.4
PROSES PENILAIAN DAN PENDAFTARAN UBAT DI INDONESIA
(Diubah daripada : Andajaningsih, 1991)

Doktor-doktor di Indonesia yang berkhidmat dengan kerajaan masih dapat menjalankan profesionnya sebagai doktor separuh masa di klinik swasta; di mana doktor secara bebas mempreskripsikan ubat yang telah berdaftar di Indonesia. Amalan ini sedikit sebanyak menyebabkan preskripsi dengan nama generik tidak diamalkan sepenuhnya walau di hospital kerajaan sekalipun (Supardi *et al.*, 1989; Syamsuir, 1992; Elly, 1990; Budhi *et al.*, 1988; Farhan *et al.*, 1992b). Sebaliknya doktor-doktor di Malaysia yang berkhidmat dengan kerajaan tidak mendapat kebenaran untuk menjalankan profesionnya di klinik swasta. Namun demikian amalan mempreskripsi dengan menggunakan nama generik tidak menggalakkan (Yeoh, 1979; Dzulkifli *et al.*, 1987; Maniam & Ging, 1990).

1.2. Rasional kajian

Ubat merupakan satu daripada beberapa akar budaya manusia; tiada masyarakat yang tidak mempunyai budaya mempertahankan hidup, yang salah satu wujudnya adalah menyediakan ubat untuk menyembuhkan penyakit. Tumbuhan, kulat, logam dan bahagian daripada tubuh haiwan merupakan sumber untuk ramuan ubat dalam budaya masyarakat lama yang kini dikenali sebagai ubat tradisi. Beberapa daripada bahan **asal** ini telah dapat dikeluarkan kandungan aktifnya dan sekarang diiktiraf sebagai ubat **moden**, di antara lain seperti *reserpin*, *efedrin*, *morfirin*, *kinin*, *atropin* dan *alkaloid ergot*.

Perkembangan lanjut daripada ilmu mengenai ubat-ubatan dikenali sebagai farmakologi yang berasal dari perkataan "*pharmakon*" yang bermakna ubat dan "*logos*" yang bermakna pengetahuan, keduanya merupakan perkataan Yunani. Perkembangan yang pesat dalam ilmu ini terjadi pada awal abad ke-20, dan daripadanya berkembang menjadi beberapa cabang ilmu di antara lain iaitu; *farmakokinetik*, *farmakodinamik*, *farmakoterapi*, *toksikologi*, *farmakologi klinikal* dan *farmakoepidemiologi*.

Farmakoepidemiologi pada awal perkembangannya sebagai ilmu yang mengkaji kesan merugikan ubat (ADRs) yang dikenal pasti sejak tahun 1930-an (Strom, 1987). Selanjutnya cabang ilmu ini mengalami perkembangan yang cepat dengan adanya **kajian** penilaian ubat dalam masyarakat, pendataan penggunaan ubat oleh masyarakat dan kajian mengenai faktor-faktor yang berhubungkait dengan konsumsi ubat (Laporte, *et al.*, 1993). Daripadanya, salah satu aspek yang mendapat perhatian untuk kajian **dalam** dua dekad terakhir ini adalah mengenai corak penggunaan ubat dalam masyarakat (Lawson, 1984). Untuk kajian tersebut diperlukan pendekatan ilmu sosial, epidemiologi dan farmakologi (Sterky *et al.*, 1988). Jadual 1.3 menunjukkan ringkasan perkembangan

berbagai contoh kajian dan cabang ilmu yang berkaitan mengikut pendedahan ubat sama ada kepada haiwan maupun kepada manusia.

JADUAL 1.3
JENIS KAJIAN DAN CONTOH YANG DAPAT DIJALANKAN MENGIKUT CARA PENDEDAHAN UBAT

PENDEDAHAN UBAT KEPADA:	JENIS KAJIAN dan CONTOH YANG DAPAT DIJALANKAN
Sel dan tisu (haiwan)	<p>Kajian <i>Farmakokinetik</i> : Pencerapan, penghantaran dan penyingkiran ubat oleh sel</p> <p>Kajian <i>Farmakodinamik</i> : Pengaruh ubat terhadap perubahan fisiologi sel</p>
Organ tubuh (haiwan)	<p>Kajian <i>Farmakodinamik</i> : Pengaruh ubat terhadap perubahan fisiologi organ dan jangkaan akibatnya terhadap organ-organ yang lain</p>
Tubuh haiwan (in situ, in vivo)	<p>Kajian <i>Farmakokinetik</i> yang lebih luas : Pencerapan, penghantaran dan penyingkiran ubat oleh tubuh</p> <p>Kajian <i>Farmakodinamik</i> yang lebih luas : Pengaruh ubat terhadap perubahan fisiologi tubuh</p> <p>Kajian <i>Toksikologi</i> : Penentuan kesan sampingan, efek yang merugikan dan kadar keracunan</p>
Individu (manusia)	<p>Kajian <i>Farmakologi klinikal</i> : Kesan farmakologi suatu ubat</p> <p>Perbandingan kesan farmakologi dengan ubat sejenis</p> <p>Ujian statistik tentang kesan ubat dan makna klinik daripada penggunaan ubat</p> <p>Ujian di antara nisbah keuntungan dan kerugián yang disebabkan oleh ubat</p>
Komuniti (manusia)	<p>Kajian <i>Farmakoepidemiologi</i> :</p> <ul style="list-style-type: none"> <input checked="" type="checkbox"/> Bagaimana ubat digunakan sama ada secara kualitatif maupun secara kuantitatif pada kelompok komuniti yang berbeza? <input checked="" type="checkbox"/> Melihat pengaruh sosio-ekonomi dan perilaku dalam penggunaan ubat <input checked="" type="checkbox"/> Kesan daripada preskripsi ubat yang berlebihan, yang tidak mencukupi ataupun yang tidak tepat terhadap kesihatan masyarakat (dikenali sebagai sebahagian daripada <i>drug utilization studies</i>) <p>Ujian tindak balas di antara penggunaan ubat dengan kesan sampingan dalam suatu komuniti</p>

1.2.1. Kajian penggunaan ubat dan kepentingannya

Terapi menggunakan ubat yang sangat meluas pada masa ini tumbuh daripada perkembangan pesat dalam ilmu kimia, fisiologi dan farmakologi sepanjang abad kesembilan belas lalu (Laporte, *et al.*, 1993). Pada awal abad tersebut sebahagian besar ubat yang digunakan dalam klinik berasal daripada tumbuh-tumbuhan dan beberapa daripadanya belum diketahui struktur kimianya. Selama satu dekad setelah Perang Dunia Kedua terjadi perkembangan yang pesat dalam penemuan ubat baru terutamanya jenis antibiotik. Pada penghujung abad ini banyak sekali ubat diperkenalkan dan pada masa yang sama keperluan perkhidmatan kesihatan masyarakat dunia juga meningkat.

Walaupun intervensi farmakologi dengan pemberian ubat-ubatan hanya merupakan satu bentuk pendekatan daripada beberapa pendekatan terapi yang ada, tetapi cara ini mempunyai peranan penting dalam usaha mengubati dan mencegah penyakit. Peranannya dalam mengubati dan mencegah penyakit diketahui telah mula digunakan sejak tahun 2100 sebelum Masihi terutamanya di Mesopotamia dan Mesir (Temkin, 1970).

Dalam masa seratus tahun terakhir ini penemuan dan pembuatan ubat-ubatan yang lebih cekap telah memberi hasil yang sangat dramatik dalam penjagaan kesihatan. Berbagai-bagi penyakit telah dapat disembuhkan dan beberapa daripadanya telah dapat dihapuskan daripada beberapa kawasan dunia (Laporte *et al.*, 1993). Walau bagaimanapun banyak ubat-ubatan poten yang digunakan diseluruh dunia sepatutnya harus diguna dengan teliti oleh kerana kaitan kesan sampingan yang merbahaya pada penggunaan dalam jangka masa yang lama. Oleh kerana itu usaha-usaha perlu dilakukan agar pesakit dapat menerima ubat yang tepat dengan dos yang tepat untuk jangka masa yang sesuai. Pengetahuan farmakologi dan terapeutik adalah cabang ilmu yang mustahak

difahami dengan mendalam oleh semua doktor yang akan memberi preskripsi kepada pesakit.


Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mendefinisikan 'ubat' sebagai "sebatian dan/atau produk yang digunakan pada manusia dengan maksud pencegahan, mendiagnos, dan mengubati penyakit". Termasuk dalam golongan ini sebatian sintetik atau sebatian semulajadi, hasilan biologik seperti vaksin dan serum, serta hasilan darah atau yang terbit daripadanya (WHO, 1978).

Bagi beberapa pengkaji di negara membangun, ubat di atas sering disebut sebagai 'ubat moden' atau *western drugs*, sebab di banyak negara membangun juga terdapat ubat dan pengubatan tradisi (Chen, 1974; Dunn, 1974; Lee *et al.*, 1993). Bagaimanapun ubat yang berasal daripada hasilan biologik seperti vaksin dan serum, hasilan darah atau yang dihasilkan daripadanya serta ubat tradisi mengikut kaedah perubatan tradisi tidak termasuk dalam kajian tesis ini.

Pada tahun 1977, WHO telah mendefinisikan penggunaan ubat-ubatan sebagai "perdagangan, penyebaran, penpreskripsian dan penggunaan ubat-ubatan dalam masyarakat dengan menitikberatkan pada akibat dalam aspek perubatan, sosial dan ekonomi" (WHO, 1977). Berasaskan kepada definisi ini nyatalah bahawa ubat tidak hanya penting daripada aspek amalan perubatan, tetapi juga berhubungkait dengan keadaan budaya, sosial, pendidikan dan politik yang dapat dilihat dalam polisi penjagaan kesihatan dan ubat-ubatan di sesebuah negara.

Kebanyakan keperluan kesihatan di negara membangun berhubungkait dengan masalah setempat, seperti kurangnya sanitasi, kemiskinan dan kekurangan makanan yang pada akhirnya akan menimbulkan penyakit. Agama atau kepercayaan juga membawa pengaruh kepada penjagaan kesihatan (Fazlur Rahman, 1989). Ubat hanya merupakan

satu daripada beberapa komponen kesihatan di pusat perkhidmatan kesihatan masyarakat primer yang diperlukan untuk mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan. Jelasnya sebahagian masalah kesihatan masyarakat di negara membangun tidak dapat diatasi dengan hanya menggunakan ubat-ubatan (Tomson, 1990). Rajah 1.5 di bawah ini menunjukkan hubungkait di antara berbagai faktor dengan kesihatan.



RAJAH 1.5
FAKTOR-FAKTOR YANG BERHUBUNGKAIT DENGAN KESIHATAN

Ketidakseimbangan peredaran ubat di negara membangun merupakan satu isu lain yang penting dan menyebabkan perbezaan tingkat penggunaan ubat di antara kawasan luar bandar dengan kawasan bandar. Penggunaan ubat di kawasan luar bandar demikian rendah (*underconsumption*) sementara kawasan bandar penggunaannya berlebihan (*overconsumption*) terutamanya untuk ubat yang bukan *essential* seperti anti-diarea, vitamin dan tonik (Fabricant & Hirschhorn, 1987). Ketidakseimbangan ini semakin diperburukkan lagi oleh kenyataan bahawa 75 peratus penggunaan ubat dunia berada pada negara maju, dan hanya 25 peratus digunakan oleh masyarakat dari negara membangun dimana terdapat 75 peratus dari jumlah penduduk dunia (WHO, 1988).

Beberapa laporan terakhir mengenai penggunaan ubat-ubatan di negara membangun menyebutkan keadaan yang kurang terkendali dan seringkali industri ubat memberikan maklumat yang tidak objektif sehingga mengakibatkan semakin banyak penggunaan ubat yang tidak tepat (Silverman *et al.*, 1982; Medawar & Freese, 1982; Melrose, 1982; Balasubramaniam, 1988). Usaha untuk memperbaiki keadaan ini mulai mendapat arah yang benar, setelah resolusi "*WHO Ethical Criteria on Medicinal Drug Promotion*" diterima oleh *World Health Assembly* (WHA, 1994). Banyak pihak, terutamanya perkumpulan pengguna menaruh harapan kepada pelaksanaan resolusi ini, sehingga penggunaan ubat menjadi lebih rasional. Meskipun untuk membuktikannya memerlukan masa yang panjang dan usaha yang lebih bersepada sama ada daripada kerajaan masing-masing, tenaga kesihatan maupun para pengguna.

Ketika pertama kali diperkenalkan konsep kajian penggunaan ubat-ubatan (*drug utilization studies*, DUS) seterusnya istilah DUS adalah dimaksudkan untuk kajian penggunaan ubat) banyak pihak merasakan perkara ini sesuatu yang asing dan menghairankan.

Bukankah selalu telah tersedia perangkaan penggunaan ubat-ubatan? Hal ini berlaku memandangkan banyak pihak tidak memahami sepenuhnya bahawa di merata dunia terdapat begitu banyak jenis dan jenama ubat, serta begitu beragam corak penggunaannya (Dukes, 1993). Meskipun tiada kekurangan data mengenai ubat-ubatan terutamanya data produksi, tetapi data tersebut tidak cukup membantu untuk membuat interpretasi mengenai keadaan yang sedang berlaku dalam penggunaan ubat-ubatan.

Untuk negara sedang membangun, ubat telah menghabiskan sebahagian besar kos kesihatan; diperkirakan diantara 30-60 peratus kos kesihatan digunakan untuk ubat-ubatan sehingga sebahagian besar penduduk tidak berpeluang untuk mendapatkan ubat yang selamat, berkualiti dan murah (Barnett , 1980; Lionel, 1981; Patel, 1983; WHO, 1988). Manakala di negara maju kos ubat hanya 8-20 peratus daripada jumlah kos kesihatan (Lee *et al.*, 1993). Bagaimanapun perangkaan ini tidak bermakna rakyat di negara membangun menggunakan ubat lebih banyak daripada di negara maju, sebab secara keseluruhan komponen lain untuk membiayai kesihatan di negara membangun seperti gaji pegawai adalah lebih rendah dan secara relatifnya harga ubat lebih mahal.

Jadual 1.4 di bawah menunjukkan perbezaan ketara penggunaan ubat-ubatan di antara negara membangun dengan negara maju mengikut peratusan keluaran dalam negara kasar (KDNK).

JADUAL 1.4
PENGGUNAAN UBAT DALAM PERATUSAN DARIPADA KDNK DI ANTARA
NEGARA MEMBANGUN DAN NEGARA MAJU

Pengelasan negara	KDNK (US\$)	Penggunaan ubat bagi setiap orang	
		US\$	% daripada KDNK
Negara membangun	626	5	0.8
Negara maju	8,105	62.5	0.77

Sumber : WHO. 1988.

DUS di negara membangun sangat digalakkan oleh kerana banyak masalah penggunaan ubat yang tidak rasional di dapati berlaku di negara-negara ini (Hardon *et al.*, 1991). Sehingga kajian ini dijalankan belum ada maklumat negara membangun yang telah mengumpul data penggunaan ubat sebagaimana di negara maju. Mungkin hal ini terjadi sebab DUS belum menjadi faktor yang mendapat keutamaan dalam perancangan perkhidmatan kesihatan, tambahan pula dengan pembiayaan yang mahal.

DUS adalah suatu kegiatan yang lebih difokuskan kepada ketepatan preskripsi oleh doktor baik daripada aspek perubatan, sosial maupun ekonomi (WHO, 1977). Maklumat yang cepat dan tepat tentang penggunaan ubat preskripsi diperlukan dalam usaha meningkatkan usaha penggunaan ubat yang rasional. Bergantung kepada keputusan yang akan diambil, maka maklumat dapat diambil daripada seseorang tenaga kesihatan (doktor, ahli farmasi); di hospital; di kawasan atau daerah dan wilayah tertentu maupun di peringkat kebangsaan.

Oleh kerana itu tidak mudah menjalankan DUS yang komprehensif di negara membangun. Kajian-kajian yang sedia ada dilakukan adalah terhad dengan mengambil kira batasan-batasan yang ada. Memandangkan DUS suatu bidang kajian yang luas

dan rumit, WHO telah menyarankan beberapa pendekatan dan metodologi (WHO, 1993). Salah satu aspek yang mendapat perhatian khusus ialah usaha untuk melakukan analisis dan meningkatkan kualiti preskripsi serta penggunaan ubat untuk kepentingan pesakit (Fasset & Christensen, 1986). Sejak tahun 60-an komputer telah digunakan dalam DUS untuk membantu (Rucker, 1972; Knapp *et al.*, 1974; Brodie & Smith, 1976), tetapi perisian yang dibangunkan pada masa itu memerlukan mini-komputer untuk pengoperasiannya; suatu peralatan yang tidak mudah disediakan di negara membangun.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 1993), menganjurkan cara pensampelan *cross-sectional* sama ada kajian restrospektif maupun kajian prospektif untuk masa satu tahun. Saranan WHO tidak mencakupi kajian terperinci jenis ubat yang digunakan dalam preskripsi tetapi lebih difokuskan kepada jumlah ubat dalam preskripsi, preskripsi dengan nama generik, kandungan antibiotik dan kebiasaan pemberian injeksi kepada pesakit.

Kepentingan sesuatu DUS di sesebuah negara adalah sebahagian daripada dasar menyeluruh yang membolehkan penyelidik dan pihak berkuasa mengetahui keadaan sebenar penggunaan ubat: Apakah ubat telah digunakan secara berkekurangan, berlebihan atau penggunaannya yang tidak tepat? Hasil DUS berguna untuk menilai bentuk intervensi yang akan diambil (Baksas & Lunde, 1986).

Akibat daripada penggunaan ubat pada sekelompok masyarakat tidak hanya dilihat daripada aspek kesan farmakologi ubat semata, tetapi meliputi pengaruhnya dalam aspek ekonomi (Hershey *et al.*, 1986; Haaijer-Ruskamp & Dukes, 1993), sosial (Haaijer-Ruskamp & Hemminki, 1993), dasar ubat di sesebuah negara (Tognoni & Lunde, 1993), dan pendidikan tenaga kesihatan (Laporte & Orme, 1993). Daripada

beberapa kajian intervensi yang telah dilakukan, maklumat-maklumat yang diperolehi sebagai hasil DUS terbukti dapat meningkatkan rasional penggunaan ubat, mengurangkan kos ubat dalam kos kesihatan total, membantu perancangan ubat pada peringkat kebangsaan, serta berguna sebagai panduan dalam pendidikan perubatan (Baksaas & Lunde, 1986; Hershey *et al.*, 1986; Smith, 1987; PAHO, 1988; Haaijer-Ruskamp, 1990; Armstrong & Terry, 1992; Tognoni & Lunde, 1993; Laporte & Orme, 1993; Massele *et al.*, 1993).

Beberapa kajian profil preskripsi yang telah dijalankan di negara membangun dilakukan dengan mengambil sampel secara rambang baik dalam bentuk kajian prospektif maupun dalam bentuk kajian retrospektif (Morton & Langton, 1985; YLKI & ARDA, 1989; Ahmad & Bhutta, 1990; Tomson, 1990; Udomthavornsuk *et al.*, 1990; Bapna *et al.*, 1992; Farhan *et al.*, 1992b). Kajian-kajian di atas dilakukan di berbagai tempat atau mengikut keperluan tertentu seperti di hospital, mengikut kelas ubatan tertentu, mengikut kelas umur pesakit atau mengikut wad pesakit. Walau bagaimanapun tidak semua kajian di atas diketahui bagaimana kedudukan sampel yang diambil terhadap populasi kajian.

Di Malaysia dan Indonesia seperti di kebanyakan negara membangun lain, sehingga kajian ini dilakukan, belum ada DUS yang komprehensif. Beberapa kajian yang sudah dilakukan dengan pensampelan dan ruang lingkup kajian yang terbatas diringkaskan pada Jadual 1.5.

JADUAL 1.5
RINGKASAN HASIL BEBERAPA DUS DI MALAYSIA DAN INDONESIA

Rujukan	Tahun	Masa pengumpulan data	Tempat kajian	Hasil yang didapat
Yeoh	'79	tiga hari dalam bulan Mac 1979, 1502 preskripsi	Hospital Besar Kuala Lumpur (Jabatan pesakit luar) Malaysia	7.1 peratus preskripsi mengandungi psikotropik 83 peratus adalah benzodiazepin
Azof <i>et al.</i> ,	'86	Februari 1985, 435 preskripsi	Pusat kesihatan masyarakat (Kotamadya Banda Aceh) Indonesia	65 peratus preskripsi mengandungi antibiotik
Dzulkifli <i>et al.</i> ,	'87	November 1984, 1011 preskripsi	Pusat kesihatan (USM, P.Pinang) Malaysia	85 peratus preskripsi mengandungi 1-3 ubat, 32.25 peratus preskripsi mengandungi antibiotik
Maniam	'90	September-Disember 1987, 5996 preskripsi	Perubatan am. (Kuala Lumpur) Malaysia	2.5 peratus preskripsi mengandungi psikotropik, 92.8 peratus adalah benzodiazepin
Elly	'90	6 hari pada Januari 1990. 2218 preskripsi	Kedai Farmasi (Kotamadya Padang) Indonesia	21.95 peratus preskripsi dengan nama generik
Syamsuir	'92	Januari-Mac 1991. 3781 preskripsi dengan antibiotik	Pusat kesihatan masyarakat. (Palembang) Indonesia	purata 2.7 ubat dalam preskripsi, 48.7 peratus preskripsi mengandungi antibiotik, 64.2 peratus kes batuk & selsema dan 78.6 peratus kes diarea menerima antibiotik.
Farhan <i>et al.</i> ,	'92	Februari 1991, 684 preskripsi pediatrik	Kedai Farmasi (Banda Aceh) Indonesia	purata 4.3 ubat dalam preskripsi pediatrik: 81.7 peratus preskripsi pediatrik mengandungi antibiotik

1.2.2. Komplians dalam penggunaan ubat.

Salah satu isu penting dalam DUS adalah tahap komplians kepada arahan penggunaan ubat. Ada pesakit didapati tidak menggunakan ubat preskripsi sesuai dengan arahan doktor ataupun arahan ahli farmasi. Tiada komplians dalam penggunaan ubat telah menjadi isu utama sama ada dalam kajian-kajian perubatan maupun dalam kajian sosial (Haaijer-Ruskamp & Hemminki, 1993). Untuk memahami secara mendalam perilaku yang menentukan pesakit yang komplians atau tidak komplians dalam menggunakan ubat-ubatan satu penjelasan teori adalah penting .

Beberapa teori telah diajukan untuk menjelaskan perkara ini.

Pertama, teori tidak-komplians yang melibatkan hubungan pesakit-doktor (*patient-physician interaction*). Komplians penggunaan ubat akan meningkat jika arahan yang diberikan kepada pesakit sangat jelas dan boleh difahami (Svarstad, 1976; Hladlik & White, 1976; Svarstad, 1981).

Yang kedua adalah teori 'nilai-harapan' (*expectancy value*) atau model kepercayaan kesihatan (*health belief model*), iaitu teori yang mendalami peranan kepercayaan pesakit terhadap komplians penggunaan ubat (Becker & Maiman, 1975; Becker, 1976a; Becker, 1979; Maiman, 1981).

Teori yang ketiga adalah perakuan bahawa segala sesuatu sebagai akibat penggunaan ubat kepada pesakit akan mempengaruhi komplians (Cooperstock & Lennard, 1979; Helman, 1981; Conrad, 1985). Teori yang terakhir ini terutamanya digunakan pada kajian penggunaan ubat-ubatan psikotropik dan antiepilepsi, dimana pesakit akan komplians kerana jika mengambil ubat sesuai dengan arahan doktor, pesakit akan merasa hidupnya 'normal' atau dapat menghilangkan 'kebimbangan'.

Komplians adalah faktor penting dalam amalan terapi untuk mendapatkan hasil terapi yang optima. Dengan adanya komplians pada penggunaan ubat-ubatan maka secara farmakokinetik akan dipertahankan kebioperolehan (*bioavailability*) ubat dalam kepekatan yang sesuai untuk masa yang telah ditetapkan. Dalam pengertian kesihatan, komplians secara sederhana telah didefinisikan sebagai 'perilaku seseorang untuk mematuhi dengan baik nasihat perubatan atau kesihatan' (Haynes, 1979).

Bagaimanapun tidak semua pesakit dapat memberikan komplians kepada penggunaan ubat sebagaimana arahan doktor. Banyak faktor yang mempengaruhi sehingga pesakit tidak-komplians dalam menggunakan ubat. Sackett dan Haynes (1976) telah mencatatkan beberapa faktor yang dijangkakan mempengaruhi komplians seperti di bawah ini :

- i) persepsi pesakit tentang sakit dan penyakit yang dialami,
- ii) sistem perkhidmatan kesihatan setempat,
- iii) jenis ubat dan bentuk dos ubat, dan
- iv) hubungan tindak balas di antara pesakit dengan tenaga kesihatan (doktor atau ahli farmasi).

Ringkasnya; faktor ubat, jenis penyakit dan interaksi pesakit dengan doktor/ahli farmasi telah dipersetujui sebagai faktor-faktor yang akan mempengaruhi komplians.

Kajian yang menunjukkan hubungan di antara faktor sosio-demografi dengan komplians telah banyak dilakukan, tetapi hasilnya tidak selalu konsisten; beberapa daripadanya mendapati ada hubungan yang positif di antara faktor sosio-demografi dengan komplians, sedangkan yang lainnya tidak mendapati sebarang hubungan (Haynes *et al.*, 1976; Becker, 1976b; Ehmke *et al.*, 1980; Litt & Cuskey, 1981; Litt *et al.*, 1982; Othman, 1991; Buchanan, 1992).

Komplians pesakit merupakan suatu bidang yang sekarang banyak dikaji. Jika banyak pesakit tidak-komplians bukan hanya akan merugikan secara ekonomi tetapi juga akan menyebabkan kegagalan terapi. Haynes (1979) mencatat di antara tahun 1943 sehingga tahun 1974 terdapat hanya 245 makalah saintifik mengenai komplians; tetapi sejak tahun 1975 kajian mengenai topik ini semakin meningkat, kerana makin disedari pemahaman yang lebih mendalam dalam bidang ini akan membantu mempertingkatkan komplians pesakit.

Kajian komplians yang dilakukan kebanyakannya pada pesakit yang menggunakan ubat secara kronik seperti antihipertensi, antileprosi, anti-asmatik, ubat-ubat psikiatrik (Hogarty & Goldberg, 1973; Hedstrand & Aberg, 1976; Leppik, 1988; Girdhar, 1988). Kajian-kajian komplians yang sedia ada pada amnya dilakukan di negara maju. Ini tidak bermakna komplians belum menjadi masalah perubatan di negara sedang membangun. Terlebih lagi jika diingat penggunaan ubat di negara sedang membangun yang rendah (WHO, 1988), yang jika tidak diikuti dengan komplians penggunaannya akan sangat merugikan baik secara ekonomi maupun kesihatan.

Secara amnya kajian komplians dalam perubatan dapat dibahagikan kepada 4 bahagian :

- i) komplians untuk memenuhi temu-janji perubatan,
- ii) komplians penggunaan ubat jangkamasa pendek,
- iii) komplians penggunaan ubat jangkamasa panjang, dan
- iv) komplians diet dan nasihat kesihatan lain.

Tidaklah mudah untuk menetapkan komplians atau tidak komplians pesakit khasnya untuk mengikuti arahan penggunaan ubat. Gordis (1979) menyebut 2 cara untuk menentukan komplians iaitu secara langsung dan tidak langsung. Kajian komplians